

Soalan No:15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH : 6.11.2017

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes buli yang telah berjaya diselesaikan berbanding kes yang diterima serta langkah Kementerian dalam membendung masalah ini yang dilihat semakin menjadi-jadi melalui pendekatan moral dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), peratus murid yang direkodkan melakukan salah laku buli dari tahun 2012 hingga 2017 adalah pada kadar 0.07 peratus. Semua kes buli yang dilaporkan kepada pihak sekolah akan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak berkuasa disiplin sekolah.

Bagi membendung masalah buli dalam kalangan murid sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan pendidikan akhlak iaitu menjaga hubungan sesama manusia dengan saling menghormati dan tidak menyakiti sesama manusia melalui kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Kurikulum Pendidikan Islam

memberi penekanan kepada aspek pemahaman yang betul kepada ajaran Islam seterusnya diamal dan dihayati dalam kehidupan harian. Antara aspek yang diberi penekanan ialah tidak melakukan kezaliman kepada orang lain serta menghormati orang lebih tua dan menyayangi orang yang lebih muda.

Selain itu, pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral juga satu pendekatan untuk melahirkan murid yang mempunyai peribadi yang kental dalam mengatasi masalah sosial seperti masalah buli yang berlaku dalam kalangan murid sekolah. Nilai-nilai seperti hormat, harga diri, rasional, toleransi, kasih sayang, mematuhi peraturan dan undang-undang dan hemah tinggi diajar kepada murid sebagai satu cara untuk menerapkan tingkah laku murid yang terpuji dan mempunyai nilai moral yang tinggi serta membenci tindakan membuli antara mereka.

KPM juga telah melaksanakan pelbagai program kurikulum yang dapat membangunkan murid secara menyeluruh dan seimbang, menerapkan nilai-nilai murni, mempertingkat semangat integrasi, mencungkil dan meningkat bakat, mengisi masa lapang dengan kegiatan yang bermanfaat dan melibatkan masyarakat dalam agenda pendidikan.